

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 1 2018  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
BAHASA MELAYU KERTAS 1  
TINGKATAN 5

OGOS

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

---

**Bahagian A**

[Masa dicadangkan : 45 minit]

[30 markah]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang peranan Pusat Sumber Sekolah. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



- Pusat penempatan bahan-bahan sumber
- Tempat murid-murid menghabiskan masa dengan berfaedah
- Murid dapat mengakses ilmu melalui kemudahan elektronik

**Bahagian B**

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan orang yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan berterusan daripada pelbagai pihak supaya mereka turut memberi sumbangan berkesan kepada negara.

Sebagai seorang pelajar, apakah peranan yang dapat anda mainkan untuk membantu atau menghargai golongan Orang Kurang Upaya (OKU)?

2. Ibu bapa memainkan peranan yang penting agar anak-anak mereka dapat menghayati seni kata lagu kebangsaan 'Negaraku'.

Huraikan langkah-langkah yang dapat digunakan oleh ibu bapa untuk tujuan tersebut.

3. Permainan tradisional merupakan warisan bangsa yang perlu dipertahan untuk tatapan generasi akan datang.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh pelbagai pihak untuk mempopularkan permainan tradisional dalam kalangan pelajar?

4. Globalisasi merupakan satu proses untuk meletakkan dunia di bawah satu unit yang sama tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara.

Jelaskan kesan-kesan globalisasi budaya terhadap masyarakat dan negara serantau.

5. Bersempena dengan Minggu Bahasa di sekolah, anda telah bercadang menyertai pertandingan menulis cerpen yang diadakan. Tajuk cerpen ialah 'Yang lama dikelek yang baharu didukung'

Tulis cerpen anda sepenuhnya.

**Kertas Soalan Tamat**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN 1 2018**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**  
**BAHASA MELAYU KERTAS 2**  
**TINGKATAN 5**

**OGOS**

2 jam 30 minit

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian tulis satu rumusan tentang peranan ibu bapa menggalakkan anak-anak bersenam dan kebaikannya kepada kesihatan diri. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Tabiat bersenam merupakan satu tabiat yang diakui mempunyai pelbagai manfaat bagi kesihatan diri yang menyeluruh. Namun, untuk menjadikannya sebagai amalan harian bukan satu perkara yang mudah. Sikap ibu bapa yang memandang tinggi kepentingan aktiviti sukan dan senaman harus dipuji. Ibu bapa mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam *memupuk tabiat* suka akan senaman dalam diri anak-anak mereka. Oleh itu, ibu bapa disarankan untuk menghantar anak-anak ke kelas senaman sama ada yang dianjurkan oleh pihak sekolah atau pihak swasta. Hal ini dikatakan demikian kerana sokongan untuk anak-anak melakukan aktiviti tersebut turut mempengaruhi pembentukan tabiat ini.

Segelintir ibu bapa mempunyai persepsi yang negatif terhadap tabiat ini kerana tidak melihat aktiviti senaman sebagai satu aktiviti yang penting berbanding dengan akademik. Bagi menggalakkan anak-anak bersenam, ibu bapa perlu mempunyai persepsi positif terhadap aktiviti senaman supaya anak-anak cenderung untuk terlibat dalam aktiviti ini. Mereka yang mempunyai persepsi yang negatif akan bertindak sebaliknya. Anak-anak yang rajin bersenam sebaik-baiknya diberikan motivasi dan penegasan yang berterusan seperti pujian dan hadiah untuk menggalakkan mereka menjadikan senaman sebagai budaya. Selain galakan dan motivasi, tabiat senaman juga dapat dipupuk melalui sokongan membelikan peralatan untuk bersenam bagi kegunaan anak-anak.

Walaupun begitu, segelintir ibu bapa menghadapi masalah kekurangan kemudahan dan sumber untuk melibatkan diri dalam aktiviti senaman. Banyak kajian saintifik yang menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang aktif bersenam mendorong mereka untuk mengikut perlakuan ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa sendiri haruslah melibatkan diri dalam aktiviti senaman dan fizikal. Satu pendekatan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa adalah dengan melakukan aktiviti senaman dan sukan bersama-sama. Bagi kebanyakan ibu bapa, mencari masa untuk bersama-sama melakukan aktiviti senaman ialah cabaran. Pada masa lapang dan hujung minggu, bawalah anak-anak ke tempat rekreasi bagi bersenam. Walaupun masa tidak boleh dicipta, ibu bapa boleh mengurus masa untuk *memberi ruang* kepada aktiviti fizikal dan senaman bersama-sama.

Di samping itu, ibu bapa patut menemani anak-anak bersenam kerana terdapat segelintir anak-anak yang mahu bersenam bersama-sama orang yang rapat. Jika anak-anak masih berkeras, ibu bapa seharusnya menasihati anak-anak tentang akibat kemalasan bersenam. Tindakan ini barangkali boleh menyedarkan anak-anak. Penglibatan anak-anak dalam senaman bukanlah untuk bersaing tetapi harus bermatlamatkan kesihatan. Sesungguhnya, untuk menggalakkan penglibatan anak-anak dalam aktiviti senaman dan sukan, sokongan yang berterusan akan membantu pembentukan sikap dan tabiat ini dalam diri anak.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Sokongan Sosial Memupuk Tabiat Bersenam',  
oleh Prof. Madya Dr. Hairul Anuar Hashim,  
*Utusan Malaysia*, 24 April 2016

## Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

1. Berikan maksud rangkai kata *memberi ruang*. [2 markah]
2. Penulis ada menyatakan beberapa halangan daripada ibu bapa hingga menyebabkan amalan senaman sukar dilaksanakan dalam kalangan anak-anak mereka. Nyatakan tiga halangan tersebut. [3 markah]
3. Pihak kerajaan turut mempunyai peranan dalam melahirkan masyarakat yang sihat dengan menggalakkan amalan senaman. Pada pendapat anda, apakah peranan pihak kerajaan dalam menggalakkan amalan senaman dalam kalangan masyarakat? [4 markah]

KOLEKSI [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)

### Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Aku memandang jaket kulit kijang itu lagi. Kalau dikira dalam ringgit Malaysia, harganya sekitar RM500.00. Jaket kulit itu telah membawa kegembiraan kepada lelaki tua yang berjaya menjualnya kepada Shahmeem. Jaket kulit itu telah membawa kegembiraan kepada Shahmeem yang berjaya menjualkannya semula kepadaku. Jaket kulit itu telah membawa kegembiraan kepadaku kerana dapat menghangatkan badan sepanjang perjalanan di Selat Bosphorus yang dingin.

Tiba-tiba tercetus semalam hasrat untuk memanjangkan rasa gembira itu kepada orang lain. Bagaimana kalau aku menjualnya di kedai menjual pakaian terpakai yang selalu aku kunjungi di tanah air? Aku tahu bahawa tidak mungkin aku boleh menjualnya tanpa mengalami kerugian. Seratus ringgit pun barangkali terlalu mahal untuk tauke kedai itu. Aku rela menerima harga yang jauh lebih rendah asalkan pekedai itu gembira. Bakal pembelinya juga pasti gembira kerana mendapat jaket kulit dengan harga yang murah. Aku berharap agar bakal pemakainya kelak sedar bahawa jaket kulit itu merupakan sisa orang dan tidak berasa bongkak.

Aku akan mencari jalan untuk mendermakan wang jualan jaket kulit itu kepada mana-mana zoo yang ada kandang kijang. Sebagai tanda muhibah terhadap kijang-kijang yang telah dibunuh demi gaya hidup yang penuh kemodenan.

Dipetik daripada cerpen 'Jaket Kulit Kijang dari Istanbul' oleh Maskiah Haji Masrom dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Dewan Bahasa dan Pustaka

1. Mengapakah 'aku' ingin menjual jaket kulit yang dibelinya daripada Shahmeem? [2 markah]
2. Pada pendapat anda, bagaimanakah kesedaran terhadap larangan pembunuhan haiwan-haiwan yang dilindungi dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat? Nyatakan tiga usaha memupuk kesedaran tersebut. [3 markah]
3. Huraikan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen dan satu pengajaran yang lain berdasarkan keseluruhan cerpen. [4 markah]

### Soalan 2(c) – Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, "Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?"

Maka kata Seri Nara Diraja, "Di mana kamu sekalian tahu? Jikalau demikian sia-sialah cula dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu."

Dan telah sudah lepas idah, maka Seri Nara Diraja pun bernikah dengan Tun Kudu. Maka menjadi muafakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja, *menjadi berkasih-kasihan* seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, "Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan bendahara, kerana ia sedia anak bendahara."

Maka titah baginda, "Baiklah."

Maka Paduka Raja pun dijadikan bendahara.

Syahadan, Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besarnya: pertama, Majapahit; kedua, Pasai; ketiga, Melaka. Di dalam negeri tiga buah itu, ada tiga orang yang bijaksana; di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan di Pasai, Orang Kaya Kanayan; dan di Melaka, Bendahara Paduka Raja; dan Seri Nara Diraja menjadi penghulu bendahari.

Dipetik daripada 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' dalam antologi *Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Berikan maksud *menjadi berkasihan-kasihan* . [2 markah]
2. Nyatakan hubungan antara Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja selepas pernikahan Seri Nara Diraja dengan Tun Kudu. [3 markah]
3. Kebijaksanaan merupakan antara ciri yang perlu ada pada seseorang yang dilantik sebagai pembesar. Pada pendapat anda, mengapakah bendahara perlu dilantik dalam kalangan mereka yang Bijaksana. [3 markah]

## Soalan 2(c) – Syair

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri

### SYAIR BIDASARI

Dengarkan tuan suatu riwayat,  
Raja di desa Negeri Kembayat,  
Dikarang fakir dijadikan hikayat,  
Supaya menjadi tamsil ibarat.

Ada raja suatu negeri,  
Sultan *halifah* akas bestari,  
Asalnya baginda raja yang bahari,  
Melimpah *ngadil* dagang senter.

Hairan orang empunya temasya,  
Baginda itulah raja perkasa,  
Sangat tiada merasai susah,  
Entah pada esok dan lusa.

Seri sultan raja bestari,  
Setelah ia sudah beristeri,  
Beberapa bulan beberapa hari,  
Hamillah puteri permaisuri.

Beberapa lamanya dalam kerajaan,  
Baginda duduk bersuka-sukaan,  
Datanglah beroleh kedukaan,  
***Baginda meninggalkan takhta kerajaan.***

Datanglah kepada suatu masa,  
Melayanglah unggas dari angkasa,  
Unggas gurda sangat perkasa,  
Menjadi negeri rosak binasa.

Datanglah menyambar suaranya bahana,  
Gemparlah sekalian mulia dan hina,  
Seisi negeri gundah-gulana,  
Membawa diri ke mana-mana.

Baginda pun sedang dihadap orang,  
Mendengar gempar seperti perang,  
Bertitah baginda raja yang garang,  
"Gempar ini apakah kurang."

## KOLEKSI [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)

1. Nyatakan maksud ***Baginda meninggalkan takhta kerajaan.*** [2 markah]
2. Kemusnahan negeri akibat serangan geroda menyebabkan keadaan negeri menjadi kelam- kabut. Pada pendapat anda, mengapakah boleh berlaku keadaan kelam-kabut tersebut? [3 markah]
3. Huraikan dua pengajaran daripada syair di atas. [4 markah]

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) (a) Tulis **satu** ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- i. baru - baharu
- ii. tempoh - tempuh
- iii. dekat - dekad

[6 markah]

(b) Cerakinkan ayat majmuk di bawah ini kepada dua ayat tunggal.

- i. Pertandingan pidato itu akan diwakili oleh Jordan atau Jessica?
- ii. Kita mestilah berhati-hati semasa memandu kenderaan di jalan raya pada musim hujan.
- iii. Negara Perancis menjuarai Bola Sepak Piala Dunia 2018 kerana memiliki pemain-pemain yang hebat.

[6 markah]

(c) (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Kanak-kanak itu perlu menjalankan rawatan menggunakan anti-biotik untuk mengelakkan penyakitnya itu berlarutan.
- ii. Kes mencuri motorsikal yang semakin menjadi-jadi di kawasan itu sudah dapat dibanteras oleh pihak polis.
- iii. Selain mengambil makanan seimbang dan penglibatan dalam sukan, kita juga memerlukan multi vitamin untuk menjaga kesihatan badan kita.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- i. Semasa bercakap dalam ceramah di kampung itu, ahli politik itu asyik memperkatakan tentang isu yang sudah tidak relevan lagi dengan masa kini.
- ii. Sejak kebelakangan ini, banyak kawasan di luar bandar yang berkembang cepat.
- iii. Masalah ini kita harus tangani dengan segera agar majlis pengisytiharan program dapat berjalan lancar nanti.

[6 markah]



(e) Berikan **peribahasa** yang sesuai berdasarkan situasi yang berikut.

Ketua kampung kesal akan sikap penduduk yang membisu semasa mesyuarat diadakan, tetapi mula bersuara apabila projek sudah dijalankan. Ada-ada sahaja yang tidak kena. Mereka bersikap umpama \_\_\_\_\_ (i)\_\_\_\_\_. Mereka tidak sepatutnya mengemukakan pendapat dengan sesuka hati dan tidak mengeluarkan kata-kata yang dapat menyinggung perasaan orang lain. Hal ini demikian kerana \_\_\_\_\_ (ii)\_\_\_\_\_. Walaubagaimanapun sebagai ketua, beliau akan berusaha untuk menyelesaikan masalah anak buahnya bagi \_\_\_\_\_(iii)\_\_\_\_\_ supaya penyelesaian yang dibuat dapat memuaskan hati semua pihak.

[6 markah]

#### Soalan 4: Novel

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah ini berdasarkan novel-novel yang telah anda kaji.*

1. Huraikan pendapat anda tentang bahagian peleraian bagi novel yang telah anda pelajari.  
[7 markah]
2. Bandingkan seorang watak wanita dalam kedua-dua buah novel yang telah anda pelajari.  
[8 markah]

KOLEKSI [www.bmspm.net](http://www.bmspm.net)